

500 juta unit saham Amanah

KUALA LUMPUR, Isnin – Amanah Saham Malaysia (ASM), saham amanah terbaru diuruskan Permodalan Nasional Bhd (PNB) mendapat sambutan menggalakan apabila 500 juta unit daripada dana berjumlah dua bilion bernilai RM0.5 bilion berjaya dijual dalam masa tiga hari.

Ketua Eksekutif Kumpulan PNB Hamad Kama Piah Che Othman, berkata sejak dilancar-

kan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Khamis lalu, sejumlah 78,000 pelabur baru mendaftar untuk mendapatkan saham amanah yang terbu-ka kepada semua kaum itu.

“Berdasarkan sambutan menggalakkan ini, PNB yakin dana ini akan dihabiskan dalam masa lebih cepat,” katanya selepas majlis penutup Minggu Saham Amanah Malaysia anjuran PNB dan

Persekutuan Pengurus Dana Amanah Malaysia (FMUTM) di sini, hari ini.

Majlis penutup disempumakan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Hamad Kama Piah berkata, kelebihan ASM adalah kerana dana ini boleh dibeli sejak seseorang itu berusia enam bulan dan sesuai sebagai pelaburan jangka

masa panjang.

Prestasi awal ASM katanya, adalah yang terbaik berbanding saham amanah lain yang diuruskan PNB.

Amanah Saham Nasional (ASN) yang dilancarkan pada awal 1980-an mencatatkan jualan RM600 juta setahun selepas dilancarkan manakala Amanah Saham Wawasan 200 (ASW 200) mencatatkan jualan RMI.8

Saham Malaysia dijual

bilion dalam masa tiga tahun.

Mengenai Minggu Saham Amanah Malaysia yang berakhir hari ini, beliau berkata, minggu berkenaan berjaya mencapai objektifnya untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada orang ramai mengenai industri saham amanah tempatan.

“Sejumlah 60,000 pengunjung mengunjung pameran kali ini dan menepati sasaran awal kami ia-

itu 30,000 hingga 60,000 orang,” katanya.

Beliau berkata, PNB juga berhasrat mengadakan promosi ASM pada peringkat negeri bermula di Pulau Pinang pada 28 April ini bagi meningkatkan jumlah pelabur.

Selain itu, PNB katanya akan mempelbagaikan produk saham amanahnya bagi memenuhi permintaan pasaran semasa.

ASM adalah dana terbaru di-

lancarkan PNB untuk semua rakyat Malaysia berumur enam bulan ke atas. Saham amanah berharga tetap itu ditawarkan pada harga RM 1.

Seseorang pelabur boleh melabur sehingga maksimum 50,000 unit dengan pelaburan permulaan 100 unit.

ASM adalah saham amanah kedua diuruskan PNB yang dibuka kepada semua kaum.